



SECURE HOME

Insurans untuk kandungan isi rumah dan kepunyaan peribadi anda di rumah

MELANGKAH KE HADAPAN BERSAMA

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Berjaya Sompo Insurance atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)



Mengenai Produk Ini

Secure Home adalah pelan insurans yang melindungi kandungan isi rumah & kepunyaan peribadi* anda terhadap kerugian atau kerosakan oleh semua risiko, termasuk kebakaran, kilat, banjir, kecurian atau kemalangan.

Ia juga menawarkan perlindungan kecurian penuh di mana kecurian oleh pengunjung ke rumah anda seperti kontraktor atau pembersih sambilan juga dilindungi, sebagai tambahan kepada perlindungan kecurian akibat pecah masuk atau keluar secara paksa di premis yang diinsuranskan.

Faedah Utama



Kebakaran atau kilat



Banjir



Kecurian



Kemalangan Lain

*Kepunyaan Peribadi merujuk kepada Barangan Peribadi yang didefinisikan sebagai Item peribadi untuk kegunaan anda, contohnya pakaian, jam tangan atau dompet.

Perlu Tahu



Perlindungan Semua Risiko

Melindungi kandungan isi rumah & kepunyaan peribadi* anda terhadap semua risiko, termasuk kebakaran, banjir, kilat, kecurian, kemalangan dan banyak lagi.



3 Pilihan Pelan

3 pilihan pelan dengan jumlah yang diinsuranskan sehingga RM60,000 terhadap kandungan isi rumah anda.



Tiada Pendedahan

Tidak perlu mendedahkan jumlah sebenar kandungan isi rumah anda.

Mengapa Produk ini Berbeza?

✓ Mudah & Bebas rumit

- Mudah pohon. Anda tidak perlu mendedahkan kepada kami nilai setiap item kandungan isi rumah anda, hanya pilih pelan pilihan anda untuk mendaftar.
- Mudah untuk tuntutan. Melengkapkan borang tuntutan dan menyediakan bukti kerosakan / kerugian. Tuntutan mestilah dibayar kepada pemilik yang sah. Kami faham kadang kala sukar untuk kita menyediakan resit bagi kami untuk menentukan pemilikan, oleh sebab itu anda tidak perlu menunjukkan bukti resit untuk kandungan rumah anda kecuali kami memerlukannya untuk mengesahkan pemilikan jika perlu. Walau bagaimanapun, laporan polis diperlukan jika ia adalah perbuatan jenayah.

✓ Melengkapi Insurans Houseowner Anda

- Insurans Houseowner hanya melindungi bangunan rumah sahaja.
- Apabila digabungkan dengan Secure Home, ia melindungi kedua-dua bangunan dan kandungan isi rumah & kepunyaan peribadi* anda, ahli keluarga atau pembantu rumah sepenuh masa yang tinggal bersama di kediaman anda.

✓ Tiada Kesan terhadap Insurans Terkurang

Sebagai contoh, anda membeli polisi dengan jumlah yang diinsuranskan sebanyak RM15,000. Walau bagaimanapun, jumlah nilai kandungan isi rumah anda ialah RM30,000. Ini bererti anda Insurans Terkurang. Sekiranya berlaku tuntutan dengan kerugian separa sebanyak RM10,000.

- Sekiranya Insurans Terkurang diguna pakai (ia akan memberi kesan terhadap jumlah tuntutan yang layak kerana Insurans Terkurang) Syarikat insurans anda membayar RM15,000/RM30,000 = ½ nisbah x RM10,000 = RM5,000. Anda perlu menanggung baki RM5,000.
- Sekiranya tiada Insurans Terkurang diguna pakai (ia tidak akan memberi kesan terhadap jumlah tuntutan yang layak kerana Insurans Terkurang) Syarikat insurans anda membayar sehingga RM10,000 tetapi tertakluk kepada had maksimum untuk setiap item berdasarkan pelan yang dipilih, lebihan (jika ada) dan terma lain dan syarat.

Apabila Berlaku Bencana, Adakah Rumah Anda Dilindungi?



Berdasarkan statistik 2018, nilai kerugian hartanah akibat kebakaran dianggarkan pada kadar RM3.31 bilion.

Sumber: The Star Online news, 16 Mei 2019



Malaysia adalah antara negara yang mempunyai kadar kemalangan akibat kilat yang tertinggi di dunia. Kilat boleh menyebabkan kerosakan teruk terhadap peralatan elektrik.

Sumber: The Star Online news, 10 Nov 2018



Pada 2017, terdapat 16,200 kes akibat pecah masuk dan kecurian.

Sumber: Crime Index, Malaysia 2017

Apakah Perlindungan Yang Disediakan?

Terdapat tiga pelan yang berpatutan di bawah Secure Home. Anda boleh memilih pelan yang bersesuaian dengan keperluan anda dan jumlah premium tahunan yang perlu dibayar hanyalah serendah RM134.20.

Jadual Manfaat & Premium	Jumlah Diinsuranskan (RM)		
	Pelan A	Pelan B	Pelan C
Bagi semua kandungan isi rumah (RM)	15,000	32,000	60,000
Had bagi setiap item (RM)	1,500	3,000	5,000
Jumlah Premium Tahunan Perlu Dibayar (RM)	134.20	269.20	490.60

Nota: Jumlah premium tahunan yang perlu dibayar di atas adalah termasuk Premium Tahunan, RM10 Duti Setem, 8% Cukai Jualan dan Perkhidmatan dan 15% komisen kepada pengantara insurans.

Pemegang polisi dibenarkan membuat tuntutan sehingga had maksimum setiap item bergantung pada pelan yang di pilih. Sebagai contoh, di bawah Pelan A, jika nilai item itu adalah RM2,000, jumlah maksimum yang boleh dituntut oleh pemegang polisi ialah RM1,500.

FAQ

1. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian yang dikecualikan secara spesifik di bawah polisi, contohnya kerugian atau kerosakan:

- kepada wang tunai, nota bank, cek, cagaran untuk wang, surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, koleksi setem dan lain-lain;
- yang disebabkan oleh kecurian sebarang kandungan isi rumah yang dibiarkan di dalam kenderaan atau dibiarkan di tempat yang terbuka;
- yang disebabkan oleh atau terjadi melalui kerosakan atau kekalutan mekanikal atau elektrik;
- peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan, atau operasi bersifat peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak);
- apa-apa tindakan keganasan.

2. Adakah terdapat lebihan yang dikenakan?

Terdapat lebihan RM100 yang perlu ditanggung oleh pihak diinsuranskan terhadap kerugian atau kerosakan akibat kerosakan tidak disengajakan.

3. Bagaimana jika had yang tersedia tidak mencukupi?

Jika Pihak Diinsuranskan memerlukan perlindungan had yang lebih tinggi, dia boleh merujuk kepada produk lain yang boleh didapati daripada Berjaya Sompo Insurance Berhad seperti insurans Houseowner/Householder.

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk Kontrak polisi untuk semua terma dan syarat pilihan yang terdapat di bawah Polisi ini.

Diunderait oleh:



BERJAYA SOMPO INSURANCE

Berjaya Sompo Insurance Berhad
No. Pendaftaran: 198001008821 (62605-U)
Pusat Khidmat Pelanggan
Tingkat 36, Menara Bangkok Bank,
105, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur
Talian Bebas Tol: 1-800-883-373
Tel.: 603-2170 7300 / Faks: 603-2170 4800
E-mel: customer@bsompo.com.my
Laman Web: www.berjaysompo.com.my

Diedarkan oleh: CIMB BANK BERHAD 197201001799 (13491-P)

Ini adalah produk risalah dan bukan kontrak dokumen. Maklumat yang diberikan ini cuma penerangan ringkas merupakan suatu ringkasan pendek untuk rujukan yang cepat dan mudah. Sila rujuk Lembaran Pendedahan Produk (LPP) untuk maklumat lanjut mengenai pelan ini serta kontrak polisi untuk terma dan syarat lengkap.

Berhubunglah dengan kami di:

CIMB Malaysia CIMB_Assists

Untuk maklumat lanjut, layari www.cimb.com.my, hubungi +603 6204 7788 atau kunjungi mana-mana cawangan CIMB Bank di seluruh negara.

Tertakluk kepada terma dan syarat.